



SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Sekiranya organisasi komersial didapati bersalah, SIAPA YANG BOLEH DIHUKUM?



Organisasi komersial itu sendiri.



Pengarah, orang yang mempunyai kawalan (terhadap organisasi komersial), rakan kongsi atau pegawai.



Sesiapa yang terlibat dalam pengurusan organisasi komersial berkenaan.

SEKIRANYA DIDAPATI BERSALAH



DENDA tidak kurang 10 kali ganda nilai suapan, atau RM1 juta, mengikut mana-mana yang lebih tinggi; **ATAU**

PENJARA tidak lebih 20 tahun; **ATAU**



Kedua - dua sekali

MAKSUD 'LIABILITI KORPORAT'



Syarikat atau organisasi komersial boleh dikenakan hukuman kerana membenarkan pegawai dan kakitangan mereka melakukan rasuah untuk memperoleh sesuatu projek (atau mendapat sesuatu faedah).

4 KATEGORI ORGANISASI YANG BOLEH DIDAKWA KERANA RASUAH

Organisasi yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016

Perniagaan perkongsian di bawah Akta Perkongsian 1961

Syarikat/Perniagaan perkongsian luar negara yang menjalankan perniagaan di Malaysia

Perniagaan perkongsian di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012

LIABILITI KORPORAT

Seksyen **17A** Akta SPRM 2009



SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

1 800 88 6000

www.sprm.gov.my

Mula berkuat kuasa
1 Jun 2020

MENGELAKKAN LIABILITI KORPORAT

Organisasi komersial mesti melaksanakan tatacara (usaha) yang mencukupi untuk mencegah jenayah rasuah. Panduan melaksanakan tatacara ini adalah berdasarkan prinsip **T.R.U.S.T**

01 Top Level Commitment

Pengurusan organisasi komersial mesti:

- Mempamerkan teladan yang baik.
- Memberi jaminan kepada *stakeholders* dan pelanggan bahawa organisasi menolak sebarang bentuk rasuah dan perbuatan tidak berintegriti.
- Memantau tahap integriti dan tadbir urus dalam organisasi.
- Menyediakan bajet dan sumber manusia untuk menggerakkan usaha pencegahan rasuah.



02 Risk Assessment

Organisasi komersial mesti:

- Melaksanakan penilaian risiko rasuah dan *fraud* dalam organisasi. Dicadangkan setiap tiga tahun.
- Menambah baik sistem dan prosedur yang lemah.
- Penilaian risiko turut melibatkan pihak luar yang dilantik oleh organisasi komersial.



03 Undertake Control Measures

Organisasi komersial mesti:

- Mewujudkan polisi mengenai rasuah.
- Menggalakkan pelaporan rasuah dan salah laku.
- Mewujudkan garis panduan mengenai:
 - *Conflict of interest*
 - Hadiah dari keraian
 - Sumbangan dan penajaan termasuk sumbangan politik
 - Bayaran kemudahan (*Facilitation payment*)

04 Systematic Review, Monitoring And Enforcement

Organisasi komersial mesti:

- Menilai serta menambah baik terhadap polisi/prosedur antirasuah dan program antirasuah.
- Melakukan audit dalaman berkaitan inisiatif antirasuah.
- Melantik audit luar untuk melihat pematuhan terhadap prosedur antirasuah - contohnya, mendapatkan pensijilan ISO 37001.
- Mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat rasuah dan salah laku.

05 Training And Communication

Organisasi komersial mesti:

- Menghebahkan polisi dan prosedur antirasuah kepada warga organisasi.
- Menyediakan latihan antirasuah kepada warga organisasi.
- Melaksanakan program kesedaran antirasuah secara berterusan.

